

# Mahasiswa UMSKAL perlu kongsi kemahiran

BH 18.11.2013 4

**Labuan:** Mahasiswa Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) perlu mendekati masyarakat setempat dengan berkongsi kemahiran untuk manfaat bersama.

Ahli Parlimen Labuan, Rozman Isli, berkata mahasiswa perlu menggunakan kesempatan sepanjang berada di pulau ini untuk berbakti kepada masyarakat sambil mendapatkan pengalaman berguna apabila memasuki alam pekerjaan kelak.

Beliau berkata, pihaknya sentiasa menyokong program dianjurkan universiti dan mahasiswa, selain berharap mereka aktif menyertai program kemasyarakatan anjuran agensi kerajaan serta badan bukan kerajaan (NGO).

“Sebagai Ahli Parlimen dan Pengerusi Perbadanan Labuan, saya akan terus membantu menjayakan program universiti, terutama membabitkan penduduk di 27 kampung di pulau ini.

## **Bantu pelajar**

“Mahasiswa, pensyarah dan kakitangan mempunyai kemahiran tertentu yang boleh dikongsi dengan pelajar sekolah bagi menaikkan semangat mereka untuk menjejak menara gading,” katanyapada Penuutup Tamu Gadang 2013 di Dewan Utama UMSKAL, di sini.

Rozman berkata, sebagai IPTA tunggal di Labuan, kewujudan UMSKAL membantu menjana ekonomi, industri pelancongan, perhotelan, pengangkutan dan restoran serta kraftangan tempatan melalui kehadiran pelajar, pensyarah dan kakitangan dari dalam dan luar negara.